

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM 15 MINIT

3766/1

PERNIAGAAN

Kertas 1

ARAHAN :


1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.


- 1 Rajah 1 berkaitan dengan tujuan perniagaan.



Rajah 1

Apakah P?

- A Majlis Kanser Nasional
 B Persatuan Pengguna Malaysia
 C Klinik Raisya dan Rakan-rakan
 D Lembaga Hasil Dalam Negeri
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah Q?

- A Perkongsian Liabiliti Terhad
 B Syarikat Sendirian Berhad
 C Perkongsian
 D Koperasi
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkhidmatan berdasarkan saiz.

I	II
Jualan tahunan sebanyak RM15 juta	Bilangan pekerja tetap 80 orang

Klasifikasi saiz manakah yang tepat?

	I	II
A	Sederhana	Besar
B	Kecil	Besar
C	Kecil	Sederhana
D	Besar	Kecil


- 4 Maklumat berikut adalah perkaitan antara sektor dan skala perniagaan.

Syarikat Delima Berhad mengeluarkan produk kesihatan sejak lima tahun lalu di Puchong. Pasaran produk meliputi kawasan Lembah Klang.

Antara berikut, apakah perkaitan tersebut?

- I Sektor kedua
 - II Pasaran zon
 - III Sektor ketiga
 - IV Pasaran negeri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Rajah 2 menunjukkan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.



Rajah 2

Apakah aktiviti **R**?

- A Mengeluarkan bahan mentah daripada alam semula jadi.
- B Menyediakan perkhidmatan telekomunikasi secara meluas.
- C Menghasilkan barang melalui proses transformasi input kepada output.
- D Membina jambatan ketiga yang menghubungkan Sungai Udang dengan Tanjung Syawal, Klang.

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pelepasan cukai.

- Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan.
- Syarikat dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun.

Apakah jenis pelepasan cukai tersebut?

- A Taraf perintis
- B Potongan cukai
- C Pengecualian cukai
- D Elaun cukai pelaburan

7 Apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah deflasi?

- A Menurunkan kadar faedah
- B Meningkatkan kadar faedah
- C Meningkatkan cukai eksport
- D Mengurangkan aktiviti eksport

8 Pernyataan berikut berkaitan dengan perubahan persekitaran perniagaan Air Asia Berhad.

I	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan
II	AirAsia memperkenalkan inisiatif digital dengan melancarkan e-bazar Ramadan

Apakah strategi yang digunakan berdasarkan analisis SWOT dalam perniagaan tersebut?

	I	II
A	Peluang	Kekuatan
B	Peluang	Kelemahan
C	Ancaman	Kekuatan
D	Ancaman	Kelemahan

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan kesan perubahan persekitaran perniagaan.

KUALA LUMPUR: Kemelut melanda kumpulan rock legenda, Search berhubung penggunaan jenama *band* itu yang dipertikai tiga anggota, iaitu bekas vokalis, Amy, Nasir Daud dan waris Allahyarham Yazit Ahmad, membuka mata banyak pihak terutama artis berkumpulan berhubung kepentingan mendaftarkan nama *band* di bawah 'trademark'.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>, *Isnin*, 7 Jun 2021

Apakah akta yang berkaitan dengan kesan perubahan persekitaran perniagaan tersebut?

- A Akta Paten 1983
 - B Akta Kontrak 1950
 - C Akta Persaingan 2010
 - D Akta Cap Dagangan 1976
- 10 Apakah visi bagi Syarikat Adik Gembira, pengeluar pakaian kanak-kanak?
- A Menjadi pengeluar pakaian terkemuka menjelang tahun 2030.
 - B Mengeluarkan pakaian kanak-kanak berkualiti yang menjadi pilihan ramai.
 - C Mensasarkan jumlah pengeluaran baju sebanyak 2 000 unit pada bulan Januari.
 - D Memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan sepanjang tahun.

11 Pernyataan berikut berkaitan dengan objektif sebuah organisasi.

S	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi perkhidmatan kepada masyarakat • Mendapatkan sumbangan daripada yuran keahlian
----------	---

Apakah contoh organisasi S?

- A Nestle Product Sdn. Bhd.
- B Telekom Malaysia Berhad
- C Persekutuan Pengakap Malaysia
- D Syarikat Bekalan Air Selangor

12 Pernyataan berikut berkaitan dengan objektif sebuah organisasi.

T




<ul style="list-style-type: none"> • Mensasarkan jualan buku sebanyak RM6 000 setahun • Membuka 3 buah cawangan kedai buku baharu

Antara berikut, apakah ciri-ciri objektif organisasi T?

- I Spesifik
 - II Munasabah
 - III Boleh dicapai
 - IV Boleh diukur
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 13 dan 14 merujuk kepada rajah berikut.

Rajah 3 berkaitan dengan jualan Syarikat Seri Megah Sdn. Bhd. pada tahun 2020.



Rajah 3

- 13 Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh syarikat apabila kuantiti berada pada P?
- Mengurangkan pengeluaran produk
 - Mengubah objektif perniagaan
 - Mengubah gaya pengurusan
 - Menambahkan jumlah kos
- 14 Apakah kesan kepada Syarikat Seri Megah Sdn. Bhd. jika tiada tindakan diambil?
- Pelanggan tidak akan membeli produk
 - Syer pasaran syarikat berkembang
 - Jualan pesaing meningkat
 - Imej perniagaan terjejas

- 15 Apakah kekuatan yang mempengaruhi pencapaian visi perniagaan?
- A Mengeluarkan spesifikasi produk yang tidak dimiliki pengeluar lain
 - B Meningkatkan kuantiti keluaran pada titik pulang modal
 - C Mengekalkan nilai aset pemilik organisasi perniagaan
 - D Menambahkan pekerja berkemahiran tinggi
- 16 Apakah tujuan setiap bahagian fungsian dalam perniagaan?
- A Meningkatkan kemahiran pekerja
 - B Mengehendkan latihan kepada pekerja
 - C Meningkatkan keuntungan syarikat
 - D Mewujudkan pelbagai bidang tugas
- 17 Dialog berikut antara Encik Azri, seorang pengurus dan Puan Zaidah, kerani pentadbiran sebuah syarikat perkhidmatan pengangkutan.

Encik Azri : Jangan lupa periksa cukai jalan kenderaan-kenderaan syarikat kita. Saya rasa banyak yang tempohnya akan tamat bulan ini.

Puan Zaidah : Baik tuan, saya akan periksa. Nanti saya akan perbaharui semua cukai jalan secara dalam talian sahaja.

Apakah aplikasi teknologi maklumat yang sesuai digunakan?

- A e-dagang
- B e-banking
- C e-pemasaran
- D e-government

- 18 Rajah 4 menunjukkan aliran barang dan perkhidmatan Syarikat Pemborong Beras Hikmah Sendirian Berhad.



Rajah 4

Langkah manakah yang melibatkan bahagian fungsian pembelian?

- A I
- B II
- C III
- D IV

19 Gambar 1 berkaitan dengan interaksi bahagian fungsian antara dua perniagaan perabot.



Kilang A



Kedai B




Gambar 1

Situasi manakah yang menerangkan interaksi tersebut?

- A Bahagian fungsian jualan Kilang A menghantar invoice kepada Kedai B
- B Bahagian fungsian pengeluaran Kilang A menerima pesanan daripada Kedai B
- C Bahagian fungsian kewangan Kilang A menghantar penyata akaun pelanggan kepada Kedai B
- D Bahagian fungsian belian Kilang A menerima maklum balas penghantaran daripada Kedai B

20 Rajah 5 menunjukkan strategi pembangunan pasaran baharu.



Rajah 5

Apakah yang boleh dilakukan di U?

- I Menjalankan promosi agresif di luar negara
 - II Menyertai ekspo anjuran kerajaan negeri
 - III Membuka cawangan baharu di negeri lain
 - IV Mencari rakan usaha sama di luar negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

21 Dialog berikut antara majikan dengan pekerjaanya.

Encik Amir : Saya dapati awak sudah beberapa hari datang lewat ke pejabat!

Encik Rasyid : Ya...minta maaf Encik Amir, tapi saya baru datang lewat dua kali pada bulan ini.

Apakah tindakan yang patut diambil oleh majikan?

- A Diberhentikan kerja
- B Diberi amaran bertulis
- C Tiada pemberian insentif
- D Tiada kenaikan pangkat

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkeraan seorang pekerja.

Selepas tiga bulan tamat pengajian dalam bidang perakaunan, Cik Rasyidah ditawarkan jawatan akauntan di sebuah syarikat pembinaan di Kuala Selangor.

Apakah kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh Cik Rasyidah?

- A Daya usaha kerja yang positif
- B Kelayakan yang bersesuaian
- C Berpengetahuan tentang produk
- D Berpengalaman dalam industri tertentu

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian Encik Indrawan.

Encik Indrawan bertugas sebagai pengurus cawangan yang dibayar gaji asas sebanyak RM8 000 dan elaun sebanyak RM2 000 sebulan. Kadar caruman bulanan KWSP ialah 11% dan bahagian majikan ialah 12%.

Berapakah jumlah caruman KWSP bagi Encik Indrawan dalam sebulan?

- I RM880
 - II RM960
 - III RM1 100
 - IV RM1 200
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 24 Gambar 2 berkaitan dengan pengurusan satu jenis sumber fizikal di sebuah gudang.



Gambar 2

Apakah tujuan mengurus sumber fizikal tersebut?

- A Mengelakkan produk ditiru
 - B Melindungi risiko cetak rompak
 - C Mengelakkan kecurian berlaku
 - D Melindungi daripada tuntutan awam
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan dua buah organisasi perniagaan.

Zana Cake House menghasilkan 100 biji kek setiap hari di Batang Kali, Selangor. Mereka menggunakan perkhidmatan syarikat kurier KDEX bagi penghantaran produknya ke rumah pelanggan.

Antara berikut, bagaimanakah kedua-dua perniagaan tersebut menguruskan sumber fizikal dan teknologi?

- I Zana Cake House menyelenggara mesin pengadun kek sebulan sekali.
 - II KDEX menghantar pekerja untuk menjalani latihan pengurusan stok.
 - III Zana Cake House telah mendaftar paten bagi pengeluaran buku resipinya.
 - IV KDEX mengambil insurans untuk melindungi produknya daripada risiko kerosakan.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber perniagaan.

Encik Razi ingin memulakan perniagaan burger di Serendah. Modal permulaannya adalah sebanyak RM1 000 yang diperoleh daripada saudaranya. Dia juga memohon pembiayaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebanyak RM5 000 sebagai modal tambahan.

Antara berikut, yang manakah sumber pembiayaan yang terlibat?

- I Pajakan
 - II Overdraf
 - III Bantuan modal
 - IV Simpanan peribadi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Bagaimanakah sesebuah perniagaan mengetahui pembiayaan mereka diluluskan?

- A Mendapat khidmat nasihat kewangan
- B Menghantar borang permohonan pembiayaan
- C Menerima surat pemberitahuan pembiayaan
- D Menyediakan dokumen yang lengkap

28 Mengapakah pihak pembiaya memerlukan penyata kewangan?

- A Mengetahui jumlah dividen
- B Merancang pengagihan sumber
- C Menilai kemampuan membayar hutang
- D Mempertimbangkan pemberian ganjaran

- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan penyata kewangan perniagaan Kasih Empire pada tahun 2020.

	RM
Untung Kasar	12 500
Jualan	30 000
Untung Bersih	9 800
Kos Jualan	17 500
Modal	40 000

Berapa pulangan atas modal perniagaan tersebut?

- A 7.5%
 B 24.5%
 C 31.2%
 D 43.7%
- 30 Jadual berikut berkaitan dengan nisbah kecekapan sebuah perniagaan.

LAJUMART SDN. BERHAD	2019	2020
PUSING GANTI STOK	6.2 kali	5.5 kali

Apakah tafsiran yang tepat mengenai perniagaan tersebut?


- A Produk menjadi usang
 B Jualan bergerak pantas
 C Modal firma meningkat
 D Kos penyimpanan rendah
- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan menjadi usahawan.

Encik Adam mewarisi perniagaan JIM Sdn. Bhd. bagi menggantikan ayahnya yang bersara mulai Julai 2020.

Situasi manakah yang menerangkan kelebihan menjadi usahawan kepada Encik Adam?

- A Membayar cukai perniagaan
 B Melantik jirannya sebagai pengurus
 C Menanggung perbelanjaan keluarga
 D Mendapatkan bekalan daripada pembekal

- 32 Gambar 3 berkaitan dengan faktor penyumbang memulakan perniagaan.



Gambar 3

Apakah agensi kerajaan yang menyediakan faktor penyumbang tersebut?



- 33 Rajah 6 berkaitan dengan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya.



Rajah 6


Antara berikut, aktiviti manakah yang menerangkan V?

- I Memberi sumbangan makanan kepada mangsa banjir
- II Meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa
- III Memberi kebebasan mengurus jadual kerja
- IV Membentuk personaliti sebagai usahawan

- A I dan II
- C II dan III

- B I dan IV
- D III dan IV


- 34 Rajah 7 berkaitan dengan akta penubuhan sesebuah perniagaan.



Rajah 7

Berapakah bilangan ahli yang terdapat dalam akta W?

- A Dua orang dan tiada had maksimum
 - B Dua orang hingga 50 orang
 - C Dua orang hingga 20 orang
 - D 50 orang dan tiada had maksimum
- 35 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah entiti perniagaan.



Pilih akta yang betul berkaitan dengan perubahan bentuk pemilikan perniagaan tersebut.

	2013	2020
A	Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
B	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012	Akta Syarikat 2016
C	Akta Syarikat 2016	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
D	Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	Akta Syarikat 2016

- 36 Dialog berikut berkaitan dengan perbualan dua orang sahabat.

Arif : Saya sudah mendapat sijil perakuan pendaftaran perniagaan minggu lepas.
 Fahim : Kalau begitu awak ada tanggungjawab yang perlu dipatuhi.

Apakah tanggungjawab yang dimaksudkan oleh Fahim?

- A Mencetak nama perniagaan pada dokumen rasmi perniagaan
 B Menyerahkan lesen perniagaan kepada pihak berkuasa tempatan
 C Mendaftar perubahan maklumat perniagaan 30 hari sebelum tarikh perubahan
 D Membuat perubahan maklumat setelah menghadiri kursus keusahawanan
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan penyata aliran tunai.

Dania Enterprise			
Penyata Aliran Tunai Bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Mac 2020			
Butiran	Januari (RM)	Febuari (RM)	Mac (RM)
Baki b/b	10	20	120
Penerimaan	50	150	80
Pembayaran	40	X	70
Lebihan/Kurangan	10	100	10
Baki h/b	20	120	Y

Apakah nilai X dan Y?

	X (RM)	Y (RM)
A	270	370
B	150	200
C	100	150
D	50	130


- 38 Rajah 8 berkaitan dengan aspek-aspek dalam campuran pemasaran.



Rajah 8

Pernyataan manakah yang menerangkan Z?

- A Bayaran yang dibayar oleh pembeli untuk memiliki barang
 - B Pilihan tempat yang mempunyai kemudahan lengkap
 - C Proses memujuk pengguna untuk membeli barang
 - D Ciri-ciri fizikal barang yang ditawarkan
- 39 Gambar 4 berkaitan dengan susun atur ruang organisasi perniagaan.



Gambar 4

Apakah rancangan perniagaan yang terlibat?

- A Rancangan pentadbiran
- B Latar belakang perniagaan
- C Latar belakang pemilik
- D Rancangan operasi

- 40 Antara berikut, yang manakah merupakan maklumat latar belakang pemilik dalam penyediaan rancangan perniagaan?
- I Pelan kedudukan perniagaan
 - II Modal memulakan perniagaan
 - III Kursus keusahawanan yang dihadiri
 - IV Status perkahwinan pemilik perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT